

Semua 45 selamat

■ Bas ekspres remuk di hadapan rempuh treler bawa konkrit



SEMUA 45 penumpang bas ekspres terselamat dalam kemalangan.

KEADAAN bas ekspres yang remuk di bahagian kiri hadapan dipercayai merempuh belakang treler (gambar kecil).



Oleh Rosli Ilham
am@hmetro.com.my
Dungun

“Bas yang kami naiki bergegar dan berhenti tiba-tiba menyebabkan keadaan menjadi kecoh,” kata penumpang bas ekspres, Mohamad Abdul Rahman, 27, selepas kenderaan dinaikinya merempuh belakang

treler di Kilometer 357.9, Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) dekat Ladang Limau Madu, di sini, semalam.

FAKTA
Pemandu bas cuba elak treler secara tiba-tiba masuk ke lorong kanan

Dalam kejadian an jam 2.15 pagi itu, bas ekspres dipandu Messuan Warsom, 38, dinaiki 45 penumpang merempuh belakang treler membawa tiang konkrit dipandu Zainudin Ismail, 50, menyebabkan bas terbabit remuk di sebelah kiri.

Mohamad berkata, dia yang berasal dari Pattani, Thailand bersama isteri dan adik iparnya yang bekerja sebagai tukang masak di Johor Bahru bertolak dari Kota Bharu jam 9 malam.

“Kami berhenti rehat di Hentian Ajil sebelum pemandu bas meneruskan perjalanan dan ketika kejadian semua penumpang tidur.”

“Tiba-tiba bas bergegar dan berhenti tiba-tiba serta keadaan menjadi kelam-kabut selepas ada penumpang menjerit menyebabkan saya

panik,” katanya ketika ditemui di tempat kejadian di sini, semalam.

Menurutnya, sebaik keluar dari bas, barulah dia tersedar kenderaan dinaikinya remuk di bahagian kiri penumpang dan melanggar sebuah treler.

Sementara itu, Messuan berkata ketika kejadian, dia memotong sebuah treler di depan sebelum treler lain dari lorong kiri tiba-tiba masuk ke lorong kanan menyebabkan dia cuba mengelak namun gagal sebelum

merempuh belakang treler terbabit.

“Nasib baik saya sempat mengelak, kalau tidak sudah tentu bas akan merempuh tiang konkrit terbabit yang boleh mengorbankan nyawa saya serta penumpang lain.

“Apapun saya bersyukur kerana semua penumpang

selamat,” katanya yang sudah 20 tahun memandu bas dan pertama kali terbabit dalam kemalangan.

Ketua Polis Daerah Dungun Superintendan Ahmad Zailani Yaacob ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan berhubung kejadian itu.

